

TARIKH	SELASA, 5 DISEMBER 2023
AKHBAR	KOSMO
TAJUK ARTIKEL	GAJI PENJAWAT AWAM NAIK TAHUN DEPAN
M/S	4
BIDANG	CIVIL SERVICE
KATA KUNCI	SALARY, WAGE

Fahmi maklumkan keputusan telah dicapai dan akan diumumkan oleh PM

## Gaji penjawat awam naik tahun depan



FAHMI berucap pada Forum Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam: Menjadikannya Lebih Cekap Dan Berkesan di Intan Bukit Kiara, Kuala Lumpur semalam.

**KUALA LUMPUR** – Kerajaan Perpaduan dijangka mengumumkan beberapa berita baik kepada penjawat awam dan pesara pada tahun depan, antaranya mengenai kenaikan gaji dan pencen.

Menteri Komunikasi Dan Digital, Fahmi Fadzil berkata, beberapa keputusan telah dicapai dalam Mesyuarat Jemaah Menteri sebelum ini dan perkara tersebut akan diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim atau Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd Zuki Ali.

"Sebelum ini ada beberapa keputusan sudah diambil dan saya serahkan kepada Ketua Setiausaha Negara atau Perdana Menteri sendiri untuk mengumumkannya nanti.

"Ada dua perkara penting bagi mereka yang masih berkhidmat. Pertama, kita telah luluskan Kertas Putih Dasar Gaji Progresif bagi pekerja di sektor swasta, insya-Allah, bermula 2024 pelaksanaan gaji progresif kita harap akan dapat menampakkan peningkatan pendapatan bagi

pekerja di sektor swasta.

"Pada masa sama, bagi sektor awam, Perdana Menteri telah sebut sebelum ini, kita ada semak (kenaikan gaji) dan insya-Allah, menjelang 2024 juga, gaji penjawat awam akan naik," katanya selepas Forum Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam: Menjadikannya Lebih Cekap Dan Berkesan di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) Bukit Kiara di sini semalam.

Terdahulu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memaklumkan, kerajaan akan menaikkan gaji kira-kira 1.6 juta penjawat awam dalam amaun kecil buat sementara waktu melalui Belanjawan 2024 sebelum kenaikan berkala bagi setiap 10 tahun.

Ujar Fahmi, tahun 2024 adalah penting untuk kerajaan kembali merencanakan ekonomi termasuk melalui kemasukan pelaburan yang diperoleh pada 2023.

"Jadi banyak kerja yang akan bermula dan cabarannya pasti ada untuk memastikan pelaksanaan tidak terencat atau tergendala akibat proses," ujarnya.

DISEDIAKAN  
OLEH

PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM